

'Dapat rumah bawah nikmat besar'

Kuala Lumpur: Keperayaan Siti Zailah Zainal, 40, mendukung anak istimewa dan kerusi roda menuruni tangga dari tingkat dua rumah sewa didlaminya setiap hari mendapat perhatian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL Wan Mohd Ghazali Nor berkata, nama ibu tunggal itu dimasukkan dalam senarai kerana dia menepati semua syarat permohonan.

Beliau berkata, Siti Zailah dan dua anaknya dipindahkan ke unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaan DBKL dalam masa terdekat.

"Kami juga bantu ibu tunggal itu dengan merujuk kes kepada Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menandatangani bantuan bayaran sewa rumah setiap bulan," katanya, semalam.

Wan Mohd Ghazali berkata demikian ketika menyalis perkembangan permohonan Siti Zailah yang

“Kalau dapat rumah paling bawah menjadi nikmat tidak terhingga kerana sudah penat melalui macam-macam dugaan sepanjang duduk di rumah tanpa lif”

Siti Zailah

memerlukan PPR tingkat paling bawah untuk memudahkan pergerakan membawa anak istimewa Nur Nia Alisha Ahmad Yaman, 8, yang menghidap cerebral palsy (CP).

Selama tiga tahun, ibu tunggal itu yang mengalami masalah lutut mertanggung azab mendukung Nur Nia Alisha bersama kerusi roda seberat 38 kilogram setiap kali menuruni anak tangga di ru-

mah sewanya.

Menurut Wan Mohd Ghazali, permohonan wanita itu diterima sejak dua tahun lalu, namun pihaknya mengambil masa lama meluluskannya kerana perlu menunggu kekosongan.

Menurutnya, pihaknya

menerima 63,000 permohonan namun jumlah kekosongan unit PPR di bawah seliaan DBKL amat terhad.

Sementara itu, Siti Zailah amat bersyukur jika permohonannya menduduki PPR di tingkat paling bawah diluluskan DBKL.

"Kalau dapat rumah paling bawah menjadi nikmat tidak terhingga kerana sudah penat melalui macam-macam dugaan sepanjang duduk di rumah tanpa lif.

"Apabila soal rumah ini selesai, saya bercadang mahu berniaga untuk tambah pendapatan," katanya yang bergantung kepada bantuan JKM sebanyak RM550 sebulan.

Orang ramai yang ingin meringankan beban ibu tunggal ini boleh menyahkan sumbangan di akaun Maybank 162021420940 atas nama Siti Zailah Zainal.

Usung lima kali sehari

• Ibu tunggal bantut anak dan dua anak muda, usung



LAPORAN Harian Metro, sendiri